



UPM Juara Anugerah Inovatif dan Kreatif Peringkat IPTA



Wan Azman Wan Omar (tengah) bersama kumpulan KIK selepas majlis penutup konvensyen tersebut.

KOTA KINABALU, 7 Feb – Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul johan pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kali ke lima bagi kategori Pengurusan yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini.

UPM yang diwakili oleh kumpulan SMART REG-O dari Pejabat Pendaftar telah menghasilkan projek yang bertajuk Memantapkan Pengurusan Pelaporan Pelan Integriti Nasional, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Pasukan Petugas bagi Mengurangkan Kerenah Birokrasi (PPMKB) Tidak Teratur.

Hasil inovasi projek tersebut menyaksikan Sistem Pelaporan Integriti UPM (SPIN) secara online telah dibuat dan mendapat pengiktirafan di peringkat IPTA.

Pendaftar UPM, Wan Azman Wan Omar berkata kemenangan yang diperoleh hasil usaha gigih setiap ahli kumpulan yang membuat persiapan secara menyeluruh dan terperinci.

"Bukan semua KIK boleh menterjemahkan inovasi dalam bentuk dokumentasi," katanya yang menyifatkan kemenangan itu mencetus semangat kepada kumpulan KIK lain di UPM untuk menghasilkan produk inovasi.

Kumpulan KIK merupakan kumpulan pekerja unit yang sama atau berlainan jabatan yang mengadakan mesyuarat berkala bagi menganalisis masalah berkaitan kerja dan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada pihak pengurusan untuk pertimbangan dan pelaksanaan.

Sebanyak sepuluh buah IPTA menyertai pertandingan tersebut dengan kategori Pengurusan dan Teknikal dipertandingkan.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.